

## Penyalahgunaan Dadah di Kampus

Amir Awang  
Canselori  
Universiti Sains Malaysia

This paper begins by stating that drug abuse in the campus is a real but elusive problem. It needs to be tackled early. To do so, it first clarifies the meaning of "drug abuse" and then examines possible causes of drug abuse, based on scientific studies as well as observations from various sources. Having done so, it suggests a number of possible lines of action to detect and to prevent drug abuse among university students. Finally it emphasises the need for motivation to change within the afflicted self, without which any corrective step taken may not be very effective.

### Pengenalan

Bahawa masalah penagihan dadah ini kian meningkat dapat dilihat dari huraian Pengarah, Pusat Biro Narkotik dalam kertas kerjanya: "Peranan dan Fungsi Pusat Biro Narkotik" yang dibentangkan dalam Woksyop "Mencegah Penyalahgunaan Dadah" yang telah diadakan di Universiti Malaya pada 1 dan 2 November 1977. Selain dari itu, Ch'ng Chwee Lye (1976) telah juga membentangkan statistik berikut bagi menunjukkan jumlah kesalahan yang berkaitan dengan dadah di Semenanjung Malaysia:

Tahun	Jumlah Kesalahan
1970	711 kes
1971	908 ..
1972	1155 ..
1973	1613 ..
1974	1819 ..
1975	3202 ..

Data-data dari kedua-dua punca ini sudah cukup untuk mendorong kita memberi perhatian berat kepada masalah psiko-sosial ini, kerana besar sekali kemungkinannya bahawa di kampus-kampus Universiti tempatan juga terdapat masalah seperti ini, walaupun statistik yang sebenar tidak diketahui dengan tepat kerana masalah dadah ini adalah "elusive" serta mempunyai implikasi undang-undang.

Untuk meninjau masalah ini, perkara-perkara berikut akan dibincangkan:

- (A) definasi penyalahgunaan dadah
- (B) sebab-sebab berlakunya penyalahgunaan dadah di kampus
- (C) langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang boleh dipertimbangkan.

### Definasi

- (1) ..... penggunaan dadah yang tidak bertujuan untuk perubatan atau tanpa arahan Pegawai Perubatan

- (2) .... penggunaan bermacam-macam jenis dadah dan atau ubatan dengan berbagai cara oleh sesiapa sahaja untuk kepuasan atau pemuasan tertentu baginya tanpa arahan atau petunjuk doktor dan perlakuannya ini membawa akibat buruk kepada kesihatan jasmani dan rohani dan atau sosio-ekonominya dan menghalang penyempurnaan sendiri dan masyarakat keseluruhannya.

Kedua-dua definisi ini telah dikemukakan dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penyalahgunaan Dadah Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

### Sebab-Sebab

Secara kasar ada tiga golongan besar penagih dadah:

- (1) penagih dadah yang sebenar
- (2) penagih dadah jenis "experimenter"
- (3) penagih dadah jenis "experimented".

Mengapa mereka mengambil dadah tidak dapat diterapkan kepada satu atau dua sebab sahaja, tetapi biasanya didorongkan oleh kombinasi permutasi sebab-sebab yang berbeza dari seorang ke seorang. Keadaan ini amat merumitkan usaha pemulihan, kerana penagihan dadah adalah bersifat psiko-sosial seperti yang disebutkan awal-awal tadi.


Di antara sebab-sebab yang boleh mendorong seseorang ke arah penagihan dadah adalah:

- (a) kebosanan – terlalu banyak masa lapang tanpa mengetahui cara menggunakannya atau tidak diberi peluang menggunakannya.
- (b) dalam keadaan sekarang acapkali terdapat kedua-dua ibubapa bekerja – ibubapa/penjaga tidak mempunyai masa untuk mendidik atau bernesra dengan anak-anak sehingga anak-anak tidak dapat berusaha mendapatkan identiti. Hasilnya timbul "identity crisis".
- (c) kekecewaan dengan keadaan sekeliling yang tidak pernah menimbulkan rasa puashati tetapi tidak berupaya menentangnya – lantas menimbulkan rasa rendah diri atau konsep-kendiri yang negatif.
- (d) tidak ada/hilang kepercayaan kepada diri sendiri kerana tak pernah wujud pengiktirafan terhadap usahanya. Malah yang selalu ditonjolkan ialah kelemahannya oleh setiap faktor (termasuk individu) di sekelilingnya, baik yang dekat, mahupun yang jauh.
- (e) kurang/tiada nilai kerohanian yang mantap disebabkan kurangnya perdampingan dengan ibubapa, dan kurangnya peruntukan untuk aspek ini dalam sistem pendidikan masa ini.
- (f) keadaan rumahtangga yang kucar-kacir – mendorong anak-anak muda tidak mahu pulang ke rumah. Misalnya: ibubapa selalu bergaduh; ibubapa masing-masing mengejar matlamat masing-masing.
- (g) memenuhi rasa ingin tahu (cuba) – hendak mengetahui kesan yang sebenarnya. Malangnya, langkah seperti ini amat membahayakan kerana untuk memenuhi dorongan naluri ingin tahu ini ia mendedahkan dirinya kepada suatu risiko yang amat besar dan yang sukar ditebuskan.
- (h) terdorong menghisap dadah tanpa diketahui (melalui telatah rakan-rakan) ("experimented").



- (i) mudah mendapat dadah.
- (j) dalam konteks individu remaja, penerimaan rakan sebaya amat penting. Individu dalam peringkat ini sedia membuat pengorbanan tertentu bagi mendapat penerimaan ini. Kadang-kadang implikasi pengorbanan ini tidak dikaji dengan masak-masak.
- (k) dalam sistem "examination oriented", persaingan-persaingan yang sengit selalu wujud di kalangan pelajar-pelajar. Kadang-kadang oleh sebab-sebab tertentu, individu tidak berdaya atau berupaya untuk bertanding dalam bidang ini. Jadi ia perlu mencari "penyelesaian". Salah satu saluran "escapism" ini ialah melalui penagihan dadah. Penagih dadah dibolehkan mendapat rawatan pemulihan di Pusat-Pusat Pemulihan Kerajaan.

**Cara-Cara Mengawal/Membasmi Penyalahgunaan Dadah**



**Rajah I: Minat terhadap Pelajar**

Rajah di atas memperlihatkan minat segolongan individu/institusi terhadap pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Minat ini sahaja mungkin tidak mencukupi untuk membawa perubahan kepada penagih dadah itu. *Ia sendiri harus berpengerakan (bermotivasi) untuk mahu "secara jujur dan ikhlas" membuang kebiasaannya itu.* Hanya melalui gabungan seperti ini sahajalah sebarang tindakan akan memberi kesan kerana masalah penagih dadah ada hubungannya dengan "psychological dependence", manakala "physical dependence" itu boleh disingkirkan melalui:

- (a) "cold turkey treatment" ataupun melalui
- (b) detoksifikasi. Setakat ini langkah (b) diamalkan oleh hospital-hospital kerajaan.

Langkah-langkah tertentu haruslah berdasarkan data-data kajian empirikal, baik yang terdapat di Malaysia mahupun di luar negeri. Misalnya:- kajian oleh Nawi b. Jusoh (1978) menyatakan bahawa faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar menghisap dadah berbeza-beza pentingnya bagi kaum yang berbeza. Datanya menunjukkan bagi:-

Bangsa	Faktor
Orang Melayu	— rakan
	— kerunsingan
	— ingin tahu

Orang China	—	mudah dapat dadah
	—	rakan
	—	kerunsingan
	—	ingin tahu
Orang India	—	kurang pengawasan ibubapa
	—	rakan
	—	kerunsingan
	—	ingin tahu

Jelas bahawa faktor-faktor lain seperti pengawasan ibubapa, pendirian agama yang lemah dan mudah mendapat dadah merupakan faktor “secondary” sahaja. Dengan maklumat seperti ini usaha-usaha tertentu boleh difikirkan supaya menjadi lebih relevan dan bermakna bagi menghindar penagihan dadah.

Satu kajian lagi oleh Morgan & Hayward (1976) menunjukkan:—

- (a) perbincangan secara informal yang memberi peluang untuk topik-topik tertentu ditimbulkan oleh penuntut-penuntut lebih baik daripada syarahan formal.
- (b) perbincangan bebas mengenai “soft drugs” seperti “sedative”, “stimulants”, “cannabis” adalah penting untuk menyampaikan maklumat-maklumat tertentu bagi mengelak kemungkinan penglibatan dengan dadah.

Kajian oleh Zinberg, Boris & Boris (1976) menunjukkan bahawa pendekatan secara kumpulan dalam usaha-usaha “drug education” akan memberi peluang kepada penuntut-penuntut memberi fokus kepada diri mereka sendiri sambil mendorong mereka menyatakan sikap-sikap mereka dengan jujur dan ikhlas.

Jika dapatan-dapatan seperti ini dapat dipertimbangkan dalam usaha kita, langkah-langkah yang diambil adalah kongruan dengan perkembangan dan kehendak-kehendak pelajar dan ini akan menjadi relevan dan bermakna dan kerana itu lebih mudah difahami dan diikuti oleh mereka.

Selain dari kajian-kajian di atas, kajian oleh McClellan (1975) menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa projek bercorak komuniti/kumpulan — kebudayaan, sukan, sosial — itu lebih berfaedah dan berkesan. Jadi, sebarang langkah hendaklah diusahakan secara kumpulan bagi sebarang rancangan pendidikan mengenai dadah. Usaha-usaha oleh Persatuan Farmasi Universiti Sains Malaysia untuk memberi maklumat-maklumat tentang dadah dan penyalahgunaannya di harap akan memberi hasil yang baik kepada murid-murid sekolah, agar maklumat seperti ini dapat membantu menghindar penagihan dadah di kalangan murid-murid sekolah.

Adakan kursus-kursus “relaxation technique”, “transcendental meditation”, kegiatan agama dan sebagainya.

Kelemahan pelajar mungkin disebabkan kelemahan pelajar dalam usaha belajar. Misalnya, tidak tahu mengambil nota, tidak boleh mencatat nota dalam Bahasa Malaysia apabila kuliah disampaikan dalam Bahasa Inggeris. Kadang-kadang masalah ini ditimbulkan juga oleh kelemahan pensyarah dalam teknik mengajar, kerana keahlian di dalam sesuatu disiplin itu belum boleh menjamin keahlian dalam teknik mengajar. Universiti Sains Malaysia sedang berusaha secara bersungguh-sungguh dalam hal ini, dan nampaknya sambutan yang diterima (dan diberikan) amatlah mengalakkan. Agaknya tidaklah keterlaluan jika Kerajaan dipinta menimbang membekalkan peruntukan-peruntukan khas untuk membiayai tenaga khas serta keperluan-keperluan khas, demi mencapai cita-cita ini. Usaha seperti ini bukan saja boleh mengoptimumkan pembelajaran dan pengajaran yang mungkin mengurangkan rasa keciwa di kalangan pelajar, bahkan juga meninggikan mutu pendidikan yang disalurkan kepada bakal-bakal pemimpin negara ini.

Kaunseling — perseorangan dan kumpulan, termasuk “t-group”, “group-dynamics” dan sebagainya. Kaunseling perseorangan dan kumpulan mempunyai kesan-kesan tertentu, dan masing-masing boleh digunakan dengan pelajar-pelajar tertentu agar hasil yang optimum dapat dicapai di dalam usaha menolong pelajar-pelajar berkembang.



Pengkajian semula kurikulum dari semasa ke semasa agar apa yang ditawarkan relevan dan bermakna bukan saja dari segi ilmu bahkan juga dari segi keperluan hidup. Usaha seperti ini amatlah perlu kerana keperluan hidup, keperluan pekerjaan, dan gaya hidup sentiasa berubah-ubah. Andainya, usaha seperti ini tidak dimulakan maka pelajar-pelajar yang dihasilkan akan menjadi "square peg in a round hole" atau sebaliknya. Lagi pun, jika usaha seperti ini tidak diberi perhatian, pendidikan yang bermakna tidak akan tercapai, dan keadaan seperti ini akan meruncingkan lagi rasa keciwa pelajar.

Adakan rancangan-rancangan di mana peluang menunjukkan bakat individu boleh dilakukan. Rancangan mencungkil bakat ini memberi peluang kepada individu-individu untuk memperlihatkan kebolehan masing-masing. Jika jenis-jenis acara yang dipertandingkan itu diluaskan, sudah tentu lebih ramai yang boleh mengambil bahagian dan ini akan mengurangkan masa yang terbuang secara tak berfaedah.

Adakan kempen dan pameran dadah; di samping ceramah dan pertunjukan filem dan selaid. Rancangan-rancangan yang sedang diusahakan oleh PEMADAM dan badan-badan sukarela elok digiatkan lagi semoga "pendidikan" mengenai dadah dapat disalurkan. Usaha-usaha seperti yang dijalankan oleh Persatuan Farmasi Universiti Sains Malaysia hendaklah diteruskan.

Pegawai Perubatan menjalankan "regular examination" — baik secara mengejut mahupun secara rutin. Demikian juga penggawa/pengetua asrama. Langkah seperti ini ada juga bahayanya, kerana pegawai-pegawai perubatan dan pengetua-pengetua asrama mungkin dianggap sebagai "polis", dan mereka akan sentiasa memerhati gerakgeri pegawai-pegawai ini. Sebaliknya pula jika langkah seperti ini tidak dijalankan, maka suatu suasana yang "relaxed" akan wujud, dan ini mungkin membawa akibat yang sukar ditelaha.

Kaunselor-kaunselor dan kakitangan akademik berusaha menjayakan rancangan-rancangan "outreach" bagi mengadakan perhubungan yang lebih erat, mesra dan rapat antara pelajar-pelajar. Secara tidak langsung rancangan seperti ini akan memperkenalkan pegawai yang berkenaan kepada pelajar dan ini akan mengurangkan rasa "malu" untuk pelajar-pelajar menemui pegawai-pegawai ini, jika perlu. Langkah seperti ini lebih-lebih penting kerana terdapat satu macam "sosial stigma" jika ada pelajar-pelajar yang mengunjungi kaunselor yang selalunya dilabelkan sebagai "head shrinker" itu.

Melaksanakan kehendak-kehendak Undang-Undang. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 memberi peruntukan-peruntukan tertentu dalam menjalankan tindakan terhadap penyalahgunaan dadah. Saya yakin dengan berpandukan Akta ini, langkah-langkah tertentu dapat dilaksanakan bagi mendorong pelajar-pelajar yang terlibat mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

Pengawasan yang lebih rapi oleh ibubapa atau penjaga *semua* pelajar agar yang belum terjerumus terpelihara, dan yang telah terjerumus sedar yang ia diawasi. Soal pengawasan ini selalu benar dibangkitkan, tetapi sedikit sekali diamalkan. Lantaran itu, anak-anak masih terbiar sendirian, dan justeru kerana itu mudah sekali menjadi "mangsa" dadah.

Kaunselor pelajar harus mengetahui kemudahan-kemudahan rawatan setempat serta pegawai-pegawai yang berkenaan bagi merancang usaha bersama. Maklumat seperti ini menambahkan keyakinan pelajar terhadap kaunselor tersebut, di samping mempercepatkan sebarang proses birokrasi yang perlu dipatuhi. Juga, perdampingan seperti ini memberikan maklumat balik yang berguna terhadap kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh pelajar-pelajar yang dihantar ke pusat pemulihan/hospital untuk rawatan.

Usaha merisik melalui rakan sebaya bagi mendorong rakan-rakan yang terlibat dengan dadah mendapat rawatan segera. Terdapat juga penagih-penagih dadah yang hanya bersedia untuk "confide" kepada rakan yang rapat dengan mereka. Melalui pelajar-pelajar seperti inilah dorongan-dorongan dapat dibuat agar pelajar yang terjerumus dapat dibantu sebelum terlewat.

Kawalan yang lebih ketat di peringkat sekolah menengah, khasnya yang berasrama, dirancarkan dengan bersungguh-sungguh, serta diikuti dengan "enforcement" yang berkesan. Biasanya di ketika inilah pelajar-pelajar tadi merasa "bebas" serta mempunyai wang saku yang lebih dari biasa. Tanpa kawalan yang baik, murid tadi mungkin tersalah langkah.

Para akademik/guru/pelajar-pelajar diberi kursus-kursus tertentu tentang cara-cara mengesan penagih dadah. Untuk mencapai sebarang kejayaan, guru-guru/para akademik dan pelajar-pelajar



hendaklah mengetahui dan mengenali sifat-sifat dan ciri-ciri penagih dadah. Jika tidak, ia mungkin hanya meraba-raba dalam gelap.

Rawatan susulan harus juga difikirkan supaya tidak wujud kesulitan menyesuaikan diri dengan masyarakat selepas rawatan. Memberi rawatan pemulihan adalah sebahagian saja dari seluruh proses menolong penagih dadah. Ia perlu juga diberi bimbingan serta keyakinan dan jaminan yang ia akan diterima oleh masyarakat. Penyesuaian semula seperti ini bukanlah mudah dilakukan kerana sudah ada prasangka-prasangka tertentu yang menyelubungi penagih dadah.

Masyarakat kampus juga harus bersikap mahu menerima penagih dadah yang sudah pulih supaya tidak timbul rasa tegang. Kadang-kadang masyarakat yang tidak "terlatih" akan bersikap seperti biasa terhadap penagih dadah dengan prasangka-prasangka tertentu. Sudah tentu ini akan menimbulkan kesulitan penyesuaian oleh penagih dadah. Justeru kerana itu, masyarakat juga harus menyesuaikan pada permulaannya, agar kemesraan dapat wujud di antara masyarakat dan penagih tadi.

Peraturan-peraturan memberi cuti kerana rawatan oleh Universiti haruslah diusahakan. Walaupun disedari yang penagihan dadah itu suatu penyakit sosial, tetapi dari segi kemanusiaan ia haruslah ditolong.

Pusat Pemulihan yang sesuai haruslah boleh menampung keperluan normal bahkan juga keperluan yang mengejut. Samada ianya ditempatkan di kampus atau tidak, adalah suatu persoalan yang belum terjawab dengan pasti. Berdasarkan pengalaman-pengalaman dari luar negeri lebih elok tidak dibina dalam kampus, bukan saja dari pertimbangan kos, bahkan juga psikologi dan sosial.

Dari perbincangan di atas jelas sekali bahawa masalah dadah ini suatu masalah yang amat rumit. Oleh yang demikian, amat perlu bagi kita dari berbagai-bagai golongan ini berganding bahu serta bekerjasama ke arah mencari jalan bagi menyelesaikan masalah yang kian meningkat ini.

### Rujukan

1. Ch'ng, Chwee Lye "Drug Abuse in Malaysia". *Malaysian Journal of Education*, Vol. 13 No. 1/2, 1976, 111-115.
2. Datuk Mohd. Jarjis Hj. Ali "Peranan dan Fungsi Pusat Biro Narkotik". Kertaskerja yang dibentangkan di *Woksyop. Mencegah Penyalahgunaan Dadah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Nov. 1, 1977.
3. McClellan, Perry P. "The Pulaski Project: An innovative drug abuse prevention program in an urban high school". *Journal of Psychedelic Drugs*, Vol. 7 No. 4, Oct. - Dec., 1975, 355-362.
4. Morgan, H. Gethin, & Hayward, Alan "The Effects of drug talks to school children". *British Journal of Addiction*, Vol. 7 No. 3, Sept. 1976, 285-288.
5. Zinberg, Norman E., Boris, Harold N., & Boris, MaryInn *Teaching Social Change: A group Approach*. Baltimore, MD: John Hopkins University Press, 1976.